

Persatuan Pembangunan bagi Asia pupuk kerjasama

BH 30 OCT 2000

HONG KONG, Ahad - Cadangan penubuhan Persatuan Pembangunan bagi Asia, yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Hong Kong, kelmarin, boleh menjadi landasan berkesan ke arah memupuk kerjasama semua negara Asia.

"Idea ini sebenarnya tidak jauh daripada EAEC (Kerjasama Ekonomi Asia Timur) kerana fungsinya (badan itu) boleh dilakukan sebuah persatuan saja," kata Perdana Menteri.

Menjawab soalan wartawan dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di majlis makan malam Asia Society malam kelmarin, beliau menjelaskan penubuhan persatuan itu mungkin perlu kerana dengan EAEC, banyak pihak yang tidak selesa dengannya.

"Jadi, mengapa tidak kita tubuhkan persatuan saja," katanya mengulas cadangannya supaya negara

Asia menubuhkan Persatuan Asia bagi Pembangunan, yang dinyatakannya dalam ucapan itu.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, persatuan itu wajar ditubuhkan bagi membolehkan semua negara Asia berinteraksi, membincangkan masalah bersama dan bekerjasama di mana yang perlu.

Gagasan penubuhan EAEC sebelum ini berdepan beberapa masalah kerana kuasa besar ekonomi Barat melihatnya sebagai satu blok ekonomi yang bakal wujud di Asia Timur, walaupun matlamatnya hanya untuk memupuk kerjasama serantau.

Dalam majlis makan malam dihadiri lebih 1,000 orang itu, Dr Mahathir memperkenalkan Pengerusi Asia Society Hong Kong, Ronnie Chan sebagai 'seorang daripada tokoh yang paling disalahfaham di dunia'.

Chan selepas memberi bidodata ringkas Perdana Menteri kepada hadirin

kemudiannya berkata, dia mempunyai dua berita untuk Dr Mahathir - satu baik dan satu lagi buruk.

"Berita buruknya ialah masih ramai orang yang menulis buruk mengenai Dr Mahathir dalam media antarabangsa dan saya menjangka mereka ini akan terus berbuat demikian untuk lima, enam tahun lagi.

"Bagaimanapun berita baiknya ialah, apabila dunia sudah cukup satu kitaran bagi ekonomi, sosial dan kewangannya 30 atau 40 tahun lagi, orang ramai akan berpeluang melihat semula ke belakang dan bersetuju dengan Dr Mahathir," katanya.

Dalam sidang akhbar yang diadakan dengan wartawan tempatan dan antarabangsa itu, Dr Mahathir turut ditanya mengenai spekulasi di pasaran yang menyatakan Malaysia bercadang menerbitkan bon dalam dominasi nilai euro.

"Saya tidak mahu me-

ngulas mengenai perkara ini kerana ia sepatutnya diajukan kepada Menteri Kewangan," katanya.

Spekulasi berkenaan timbul berikutan pertemuan Dr Mahathir dengan beberapa pengurus dana antarabangsa ketika beliau mengadakan lawatan kerja ke Britain, baru-baru ini.

Ditanya apakah beza pembabitan Bank Negara dalam dagangan mata wang beberapa tahun lalu dengan tindakan peniaga mata wang menyerang ekonomi Asia pada 1997, Perdana Menteri berkata, ia amat berbeza kerana bank pusat itu hanya mengambil pegangan dalam mata wang negara maju.

"Tidak ada kesannya (ketika itu) kerana Bank Negara tidak boleh memanipulasi pasaran berikutan negara maju mempunyai rizab yang besar lagi kukuh. Bagaimanapun, peniaga mata wang menyerang mata wang negara membangun," katanya.